



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

---

**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SERI KONG CHO HA,  
MENTERI PENGANGKUTAN  
MAJLIS PERHIMPUNAN 1MALAYSIA,  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
BULAN JUN 2011  
DI AUDITORIUM BLOK D8 KOMPLEKS D,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
PUTRAJAYA**

**14 JUN 2011 (SELASA) JAM 8.30 PAGI**

Selamat Sejahtera dan salam 1Malaysia

Y.Bhg. Dato' Long See Wool  
Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan

Y.Bhg. Dato'-Dato',  
Ketua-ketua Jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan

Tuan-tuan dan puan-puan warga kementerian yang dikasihi sekalian.

Mendahului ucapan pada pagi ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Long See Wool, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia serta semua warga Kementerian dan juga wakil-wakil jabatan serta agensi kerana dapat bersama-sama berhimpun pada pagi ini sempena Majlis Perhimpunan Bulanan 1Malaysia, Kementerian Pengangkutan Malaysia yang dihoskan oleh Bahagian Akaun.

Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini sesungguhnya amat besar ertinya kerana tanpa sokongan dan kerjasama yang padu sudah pasti majlis yang kita rancang dan adakan ini mungkin tidak berjaya dan mencapai matlamatnya. Justeru perhimpunan bulanan 1Malaysia yang dianjurkan ini merupakan usaha murni yang dapat mewujudkan ikatan perpaduan, silaturahim dan semangat 1Malaysia di kalangan kita semua.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada seluruh warga kerja Kementerian ini kerana telah berjaya melaksanakan tugas yang diamanahkan serta komited terhadap kerja serta prestasi cemerlang sepanjang tahun 2010 yang lalu. Apa yang membanggakan kita semua adalah kesetiaan dan kesungguhan warga kerja Kementerian ini dalam memahami serta mendokong cita-cita kementerian dan kerajaan, serta sentiasa teguh berdiri sebagai tulang belakang pentadbiran, dalam apa jua keadaan mahupun rintangan bagi memastikan pelaksanaan dasar-dasar yang telah diputuskan dapat dilaksanakan demi kepentingan kumpulan sasaran serta kesejahteraan rakyat pada keseluruhannya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Peningkatan harga minyak dunia kini, memungkinkan negara kita terpaksa menghadapi ketidaktentuan ekonomi. Justeru kerajaan amat berhati-hati dan sentiasa membuat perancangan jitu bagi memastikan kehidupan rakyat terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah dapat menikmati kehidupan yang selesa dan terjamin.

Sehubungan itu seperti yang pernah diungkapkan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri yang kita kasihi telah menyatakan bahawa kita tidak mahu melihat negara terpaksa bergantung kepada ehsan institusi kewangan antarabangsa seperti nasib yang menimpa sesetengah negara di dunia menadah tangan meminta-minta pada satu masa nanti hanya semata-mata kerana kita ingin menjadi kerajaan populis untuk seketika.

Oleh itu, kita tidak akan mungkin membiarkan suatu hari kelak Malaysia berubah status dari negara industri moden berpendapatan sederhana tinggi menjadi sebuah "failed state" atau gagal akibat daripada tidak bertanggungjawab fiskal dan ketidaktelitian kewangan. Kerana itulah, antara lain kerajaan telah melaksanakan dasar untuk merasionalisasikan subsidi. Secara prinsipnya, kita percaya subsidi adalah penting bagi golongan dan sektor yang memerlukan. Namun begitu, kita mesti faham bahawa sumber kerajaan adalah terhad manakala permintaan pula sifatnya tidak berkesudahan.

Justeru, untuk menjadi sesuatu faktor yang positif, subsidi mesti dioptimalkan dengan memberikannya kepada kumpulan dan sektor sasaran yang benar-benar memanfaatkan rakyat dan negara. Maksudnya di sini, adalah tidak adil kepada mereka yang memerlukan dan rakyat negara ini secara keseluruhan, seandainya subsidi diberikan secara pukul rata tanpa mengira kemampuan.

Hadiri yang dihormati sekalian,

Sejak YAB Perdana Menteri memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Kementerian ini telah berjaya melaksanakan kehendak dan inspirasi rakyat dengan memainkan peranan berkesan ke arah menyumbang idea dan tenaga bagi mencapai matlamat program ini. Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu Pengangkutan Awam Bandar telah mencapai tahap yang dibanggakan dan telah menunjukkan hasil dan pencapaian yang memberansangkan sejak tahun lalu.

Antaranya pertukaran pengguna kenderaan persendirian kepada penggunaan pengangkutan awam '**Public Transport Modal Share**' di **Lembah Klang** yang mana telah berjaya melangkaui sasaran tahun ini, iaitu meningkat kepada 17% dan **jumlah 'ridership' pengguna di waktu puncak sebelah pagi** pula, telah meningkat melebihi **236,000 pengguna** pada tahun 2010. Kajian terhadap penggunaan pengangkutan awam sepanjang 9 bulan lalu, telah menunjukkan peningkatan mendadak penggunaan perkhidmatan LRT dengan pertambahan **sebanyak 2.6 juta pengguna**. Ini menunjukkan bahawa mutu perkhidmatan pengangkutan awam, telah berjaya dipertingkatkan dan mendapat sambutan kerana ianya lebih efisien dan selesa berbanding sebelum ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Selain daripada mempertingkatkan sistem pengangkutan awam bandar melalui pencapaian NKRA, Kementerian ini juga dalam usaha untuk meluaskan rangkaian perhubungan (connectivity) laluan udara. Pada masa yang sama Kementerian ini telah merancang dan melaksanakan program dan aktiviti rundingan udara dengan negara-negara luar. **Mulai Januari hingga Jun 2011, sebanyak empat rundingan udara telah diadakan iaitu Bangladesh, Jepun, Ethiopia dan Filipina.** Hasil daripada rundingan tersebut, Malaysia telah mendapat hak trafik tambahan yang membolehkan syarikat penerbangan negara mempertingkatkan kekerapan penerbangan ke luar negara.

Melalui rundingan seperti ini juga beberapa perkhidmatan Air Service Agreement (ASA) telah dapat diwujudkan serta beberapa pindaan telah dibuat ke atas ASA sedia ada bagi mewujudkan persekitaran yang lebih fleksibel dan kondusif kepada syarikat-syarikat penerbangan dalam negeri dan juga syarikat penerbangan antarabangsa.

Para hadirin sekalian,

Baru-baru ini Kementerian Pengangkutan telah menganjurkan satu seminar iaitu Seminar Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah Dalam Pengurusan Badan Berkanun sebagai satu langkah memberi pengetahuan dan pemahaman kepada Lembaga Pengarah tentang tugas dan tanggungjawab serta undang-undang dan prosedur yang perlu dipatuhi semasa mereka menjalankan tugas sebagai Lembaga

Pengarah. Kursus ini amat baik sekali kerana ia mengingatkan supaya setiap daripada kita yang diberi tanggungjawab hendaklah melakukan setiap pekerjaan mengikut undang-undang dan prosedur.

Ia merupakan satu langkah kawalan tindak-tanduk kita daripada tersasar dari landasan yang betul dan terjerumus dalam amalan yang tidak sihat seperti salah guna kuasa, menipu, rasuah dan sebagainya. Kementerian Pengangkutan juga amat prihatin dan sentiasa berusaha bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan penyampaian kepada rakyat. Melalui program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan serta agensi adalah diharapkan ianya dapat mempertingkatkan sistem penyampaian (delivery system) Kepada tahap yang lebih baik dan diterima oleh semua pihak khususnya pelanggan dan kumpulan sasar kita.

Kementerian melalui Unit Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri (LPPDN), Bahagian Maritim telah dipilih oleh pihak pengurusan tertinggi Kementerian untuk mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9001:2008 bagi aktiviti pengeluaran Lesen Perkapalan Dalam Negeri. Pelaksanaan ini turut melibatkan lain-lain bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Unit Komunikasi Korporat, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan Bahagian Pengurusan Maklumat.

Pelaksanaan standard antarabangsa ini dalam perkhidmatan awam adalah berlandaskan kepada hasrat Kerajaan untuk terus berusaha meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan dalam perkhidmatan awam. Standard ISO yang

digunapakai telah menggariskan keperluan-keperluan bagi organisasi melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang berkesan dan meliputi tujuan penubuhan serta cekap dalam menghasilkan output atau perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan ketetapan peraturan dan perundangan yang ada.

Maka, saya berharap agar usaha-usaha ke arah penambahbaikan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa dan sokongan serta penglibatan aktif dari semua pihak amatlah diharapkan. Saya juga berharap agar persijilan MS ISO ini kelak akan turut meliputi semua aktiviti teras Kementerian dan tidak hanya meliputi skop pelesenan perkapalan dalam negeri sahaja.

Salah satu elemen yang penting dalam sistem penyampaian kerajaan adalah “**amalan senyum**”. Mungkin bagi sesetengah orang amalan senyum ini merupakan perkara kecil yang tidak perlu diberi perhatian dalam sistem penyampaian kerajaan kerana kebanyakan urusan dengan pelanggan dilakukan menggunakan kemudahan teknologi canggih dan moden.

Pada 10 Mei yang lalu Kementerian ini telah **melancarkan “Kempen Senyum”** yang antara lain bertujuan meningkatkan pemahaman bahawa kaedah melontarkan senyuman ketika berurusan kepada pelanggan amatlah penting bagi menjamin mereka (pelanggan kita) mendapat layanan yang baik dan adil.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ingin menekankan bahawa, sebenarnya amalan senyum ini perlu kita terapkan di dalam diri kita dalam apa jua situasi terutama sekali semasa kita berurusan dengan orang ramai. Amalan ini perlu kita budayakan dalam kehidupan dan kerja harian kita. Saya ingin menyeru kepada semua warga Kementerian agar sentiasa meningkatkan kecekapan dan integriti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Jika kita mahu negara maju dan mencapai kejayaan, institusi perkhidmatan awam termasuk kita semua haruslah mendokong dan melaksanakan transformasi berdasarkan peta panduan yang diatur mengikut jadual yang telah ditentukan. Justeru, saya menyeru sekali lagi supaya semua warga kementerian ini menjalankan tadbir urus dengan rapi serta dapat menjadi pemudahcara yang cekap.

Kebertanggungjawaban adalah pegangan yang seharusnya menjadi azimat setiap warga kerja MOT untuk memberikan khidmat sepenuh hati berasaskan budaya pencapaian tinggi.

Sekian, terima kasih.